

09/02/1997

Jepun nafi tuduh KL jadi penghalang

TOKYO: Jepun menafikan menuduh Malaysia menjadi batu penghalang kepada perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) mengenai telekomunikasi.

Pegawai Kementerian Pos dan Telekomunikasi Jepun berkata semalam Jepun tidak menyalahkan Malaysia jika perjanjian itu tidak ditandatangani menjelang 15 Februari di Geneva sebagaimana dijangkakan oleh negara lain yang menawarkan untuk meliberalkan sektor telekomunikasi masing-masing.

"Tentunya berlaku sedikit salah faham atau silap laporan mengenai kedudukan Jepun," kata Hagimoto, seorang pegawai Jepun yang terbabit dalam rundingan WTO mengenai telekomunikasi.

Hagimoto, yang juga ketua Pejabat Dasar Perdagangan, Bahagian Dasar Antarabangsa dalam Sekretariat Menteri, berkata Jepun tidak akan memaksa mana-mana negara untuk membuat keputusan persendirian mengenai meliberalkan perkhidmatan telekomunikasi, dan "tidak terfikir bagi pasukan perundingan kerajaan Jepun di Geneva untuk menuduh atau menyalahkan Malaysia".

Beliau memberitahu Bernama bahawa Jepun juga tidak menyalahkan Amerika Syarikat, Kanada atau Jepun.

Katanya: "Kami hanya boleh berharap perjanjian itu dapat ditandatangani pada tarikh secepat mungkin dan faktor utama di sini ialah Amerika Syarikat, yang sikapnya dapat menentukan sama ada perjanjian itu dapat ditandatangani menjelang 15 Februari."

Ketika mengulas laporan akhbar, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa Jepun supaya tidak menuduh negara lain sebagai batu penghalang kepada perjanjian WTO mengenai telekomunikasi.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa "Jepun juga mempunyai masalah... jadi kita semua harus bersabar. Tidak perlu untuk tuduh-menuduh."

Pegawai Jepun berkata secara amnya, Malaysia adalah sebuah negara terkemuka di Asia Tenggara dan negara penting dalam bidang telekomunikasi.

"Dengan demikian, Malaysia sewajarnya dijangka menyertai meja perundingan dan mengambil bahagian aktif dalam perbincangan mengenai sektor ini. Sebagai sahabat Malaysia, Jepun berasa bimbang kerana Malaysia menjadi tumpuan negara lain sebagai negara utama Asia Timur tunggal yang tidak mengemukakan sebarang tawaran," kata mereka.

Terdapat 54 negara daripada 130 anggota WTO yang membuat pelbagai tawaran mengenai usaha liberalisasi masing-masing.

Indonesia membuat tawaran pada 31 Januari, manakala Thailand, Singapura, Hong Kong juga mengemukakan rancangan liberalisasi mereka. - Bernama

(END)